

Kastam Kuala Lumpur sasar kutipan RM14 bilion tahun ini

KUALA LUMPUR 26 Jan.- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Wilayah Persekutuan menyasarkan kutipan hasil pada tahun ini meningkat kepada RM14 bilion berbanding RM11.8 bilion sepanjang tahun lalu.

Pengarahnya, Abd. Gani Othman berkata, pihaknya yakin sasaran tersebut mampu dicapai memandangkan kutipan merangkumi pelbagai cukai seperti duti eksais, duti import serta cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Menurutnya, hasil kutipan pendapatan tahun lalu adalah lebih baik berbanding pada tahun 2013, iaitu sebanyak RM11.3 bilion yang berjaya dikutip Kastam bagi Wilayah Persekutuan.

“Jumlah ini termasuk pengutipan hasil sebanyak RM7 bilion daripada GST manakala jumlah selebihnya daripada cukai dan duti lain.

“JKDM perlu bekerja lebih keras bagi merealisasikan sasaran ini dan saya berharap kesemua anggota akan melakukan tugas dengan sebaik mungkin,” katanya dalam si-



ABD. GANI OTHMAN (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada Pegawai Kastam Tinggi Bahagian Pematuhan, Salleh Othman sambil diperhatikan oleh Razif Ratha Abdullah (kiri) pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-33 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

dang akhbar di Kompleks Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan, Kelana Jaya di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Kastam Bahagian Pematuhan, Datuk Razif Ratha Abdullah.

Abd. Gani menambah, bagi

mengecapi sasaran tersebut, bahagian pengauditan diwujudkan untuk memastikan hasil kutipan pendapatan berjalan lancar.

“Unit itu yang dikenali sebagai ‘GST Fraud Unit’ akan memfokuskan terhadap isu serta permasala-

han berkaitan sistem cukai berkenaan secara lebih komprehensif.

“Sebanyak 100 anggota baharu direkrut dalam Unit GST bagi tugas mengaudit cukai tersebut untuk memastikan tenaga kerja diperlukan mencukupi,” ujarnya.